

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DR. HAJI IZANI HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH :

SOALAN :

YB Dr. Haji Izani Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan statistik terkini jumlah pesakit HIV mengikut negeri.

Tuan Yang di Pertua,

Sejak kes HIV pertama dilaporkan pada tahun 1986 sehingga akhir 2015 sebanyak 108, 519 kes telah dilaporkan. Untuk tempoh enam (6) bulan pertama tahun 2016 ini, sebanyak 1,728 kes baru HIV telah dilaporkan, menjadikan jumlah terkumpul kes HIV sebanyak 110,247.

Negara telah berjaya menurunkan kadar jangkitan HIV dari kadar tertinggi pada tahun 2002 iaitu 28.45 kepada 10.90 per 100,000 penduduk pada tahun lepas.

Tuan Yang di Pertua,

Tiga (3) negeri telah mencatatkan bilangan kumulatif kes HIV tertinggi daripada tahun 1986 hingga bulan Jun 2016 iaitu: Johor – 17,506 kes (15.9%) diikuti dengan Selangor – 16,600 kes (15.1%) dan Kelantan – 11,692 kes (10.6%). Manakala Wilayah Persekutuan Labuan pula mencatatkan bilangan kumulatif kes HIV terendah iaitu sebanyak 47 kes (0.04%).

Kejayaan ini adalah hasil daripada pelaksanaan strategi-strategi menangani HIV/AIDS menerusi beberapa siri Pelan Strategik Kebangsaan dimulai dengan Pelan Tindakan HIV/AIDS 1988, diikuti dengan Pelan Tindakan HIV/AIDS 1998 dan seterusnya Pelan Strategik Kebangsaan bagi AIDS 2006 – 2010 dan seterusnya diperkukuhkan melalui Pelan Strategik Kebangsaan bagi Mengakhiri AIDS 2016–2030.